

NAMA PELAJAR

NO. KAD PENGENALAN

							-			-				
--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2019**

**SEJARAH
KERTAS 3
Tiga jam**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi satu Tugas Spesifik. 2. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang di dalam buku jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. 3. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan pada akhir peperiksaan. 4. Calon dibenarkan membawa masuk dokumen seperti buku teks, bahan bacaan ilmiah, nota bertulis atau bahan fotostat dan bahan bercetak ke dalam dewan/ bilik peperiksaan. 5. Calon tidak dibenarkan sama sekali membawa alat atau peranti elektronik ke dalam dewan / bilik peperiksaan. 6. Calon hendaklah menjawab berdasarkan soalan/tugasan yang disediakan. 7. Calon dinasihati supaya membuat perancangan masa yang bersesuaian dengan peruntukan markah yang diberikan. 8. Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.	Untuk Kegunaan Pemeriksa		
	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
	1	5	
	2	20	
	3	20	
	4	20	
	5	10	
	6	10	
	7	10	
	8	5	
	JUMLAH		

Tugasan ini mengandungi 2 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah]

TUGASAN SPESIFIK

Pakatan murni telah mendapat sokongan pelbagai kaum pada peringkat akar umbi. Mereka telah bekerjasama membentuk permuafakatan politik Persekutuan Tanah Melayu. Kerjasama ini amat penting dalam usaha untuk menangani tuntutan kemerdekaan.

Berdasarkan pernyataan di atas, anda dikehendaki menjawab soalan / tugas berikut :

Aspek	Perincian	Markah
Pengenalan	1. Jelaskan tentang pakatan murni.	5 markah
Isi dan Huraian	2. Terangkan usaha-usaha yang dilaksanakan dalam mewujudkan Pakatan Murni di Tanah Melayu sebelum pembentukan Parti Perikatan.	20 markah
	3. Parti Perikatan telah berjaya memenangi beberapa siri pilihan raya dan seterusnya membawa kepada rundingan kemerdekaan bagi Tanah Melayu. Buktikan pernyataan tersebut.	20 markah
	4. Kejayaan Pakatan Murni merupakan hasil sumbangan para pemimpin yang berwibawa. Bincangkan.	20 markah
	5. Huraikan langkah berterusan kerajaan untuk mengekalkan semangat pakatan murni dalam kalangan rakyat Malaysia.	10 markah
	6. Bincangkan cabaran untuk mengukuhkan perpaduan masyarakat berbilang kaum dan langkah untuk mengatasi cabaran tersebut.	10 markah
	7. Huraikan iktibar yang anda peroleh daripada kajian anda terhadap pelaksanaan pakatan murni ke arah keharmonian negara.	10 markah
	8. Buat rumusan tentang pelaksanaan pakatan murni ke arah keharmonian negara.	5 markah

KERTAS SOALAN TAMAT